

Unimas hasilkan panel penyerap bunyi hampas sagu

KUCHING 8 Nov. - Hampas sagu yang sebelum ini dibuang begitu sahaja telah dimanfaatkan tiga penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk menghasilkan panel penyerap bunyi kalis api.

Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Prof. Madya Dr. Zainab Ngaini berkata, panel ciptaan mereka itu sesuai dijadikan bahan alternatif melapisi dinding dewan, bilik atau studio muzik.

"Panel ini juga mempunyai struktur berongga yang tidak larut dalam cecair. Panel ini akan kering dengan cepat apabila terkena air tanpa meninggalkan bau busuk. Panel itu juga 51 peratus lebih ringan berbanding mana-mana panel penyerap bunyi lain yang ada

di pasaran.

"Paling penting, kos menghasilkannya amat rendah kerana berasal daripada bahan buangan iaitu hampas sagu sekali gus membolehkannya menjadi bahan pelapis dinding yang amat menjanjikan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Panel penyerap bunyi tersebut merupakan antara 11 produk Unimas yang memenangi Anugerah Emas dalam Pameran Reka Cipta Britain (BIS) yang berlangsung di London, United Kingdom (UK) baru-baru ini.


Selain Zainab yang bertindak sebagai ketua, kumpulan penyelidik tersebut terdiri daripada Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman, Mohd. Hasnain Hussain, Norhaizat

Sundin dan Vanness Lawai.

Dalam pada itu, Zainab memerlukan penghasilan panel berkenaan hanya melalui proses ringkas mencampurkan hampas sagu dengan polisterina menggunakan bahan berdasarkan fosforus.

"Kandungan fosforus yang ada di dalamnya menyebabkan panel ini tidak mudah dimakan anai-anai dan dengan hanya menggunakan peralatan di makmal, kami dapat menghasilkan 100 kepingan panel dalam masa sejam," katanya.

Menurut Zainab, pihaknya kini dalam proses mematenkan panel tersebut di samping mendapatkan syarikat swasta yang berminat menjalinkan kerjasama membantu mereka mengeluarkan produk berkenaan di pasaran tempatan.



ZAINAB Ngaini (kiri) menunjukkan panel penyerap bunyi yang kalis api yang diperbuat daripada hampas sagu di Kota Samarahan, Kuching, semalam.